

## **Kecenderungan Politik Pengundi Muda pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) di P125 Parlimen Putrajaya**

Norhafiza Mohd Hed<sup>1</sup>, Nur Afrina Mohd Zin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Southeast Asia Program, Cornell University & Department of Malaysian Studies,  
Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>2</sup>Department of Malaysian Studies, Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Correspondence: Norhafiza Mohd Hed (email: [norhafiza@fsk.upsi.edu.my](mailto:norhafiza@fsk.upsi.edu.my))

Received: 19 August 2024; Accepted: 31 January 2025; Published: 14 February 2025

### **Abstrak**

Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif penting untuk menggalakkan penglibatan politik belia dengan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan melaksanakan langkah drastik dengan meminda Perlembagaan berhubung Undi 18 sebelum PRU15. Namun, muncul pelbagai isu menjelang PRU15 seperti isu rasuah, pengangguran, kenaikan kos sara hidup yang dihadapi kebanyakan belia, terutamanya di bandar. Oleh itu, artikel ini mengkaji kecenderungan politik pengundi muda pada PRU15 di P125 Parlimen Putrajaya. Pendekatan kuantitatif menerusi pengedaran soal selidik secara rawak kepada 377 orang belia di Putrajaya digunakan untuk mengumpul data. Data dianalisis secara deskriptif menerusi analisis min dan peratusan menggunakan perisian SPSS 27.0. Dapatan kajian ini menemukan tiga dapatan utama. Pertama, hasil analisis menunjukkan pengundi muda cenderung memilih parti politik yang dipercayai dapat membentuk kerajaan selepas PRU15. Kedua, ketokohan pemimpin politik, terutamanya pemimpin yang berpengalaman merupakan faktor paling penting dalam mempengaruhi pemilihan parti politik. Ketiga, saluran ekonomi seperti bantuan kewangan amat penting dalam menarik sokongan pengundi muda di parlimen ini. Oleh itu, kajian ini memberi implikasi besar kerana ianya menyediakan profil pengundi muda dan kecenderungan politik sebagai usaha yang boleh dilakukan oleh parti politik untuk menarik sokongan mereka pada pilihan raya.

**Kata Kunci:** belia, kecenderungan, memilih, parti politik, PRU-15, Putrajaya.

## **Young Voter's Political Tendencies in the 15th General Election (GE15) in P125 Putrajaya Parliamentary Constituency**

### **Abstract**

The government has implemented several significant initiatives to encourage youth political participation, including amending the Universities and University Colleges Act (AUKU) and taking drastic measures by amending the Constitution regarding Undi 18 before the 15th General Election (PRU15). However, various issues emerged leading up to PRU15, such as corruption, unemployment, and the rising cost of living, which affected many youths, particularly in urban areas. Therefore, this article examines the political tendencies of young voters in PRU15 within

the P125 Putrajaya parliamentary constituency. A quantitative approach was employed through the random distribution of survey questionnaires to 377 youths in Putrajaya to collect data. The data were analyzed descriptively using mean and percentage analysis with SPSS 27.0 software. The study's findings reveal three key insights. First, the analysis indicates that young voters tend to choose political parties they believe can form the government after PRU15. Second, the leadership qualities of political figures, particularly experienced leaders, are the most crucial factor influencing party selection. Third, economic channels such as financial assistance play a significant role in attracting the support of young voters in this constituency. Thus, this study has substantial implications as it provides a profile of young voters and their political tendencies, offering political parties insights on strategies to gain their support in future elections.

**Keywords:** youth, tendency, selection, political party, PRU-15, Putrajaya.

## Pengenalan

Penglibatan dan kecenderungan politik pengundi muda semakin mendapat perhatian dalam kajian pilihan raya di Malaysia. Seiring dengan perubahan landskap politik negara, memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pengundi muda menjadi semakin penting. Perkembangan politik Malaysia kini yang semakin mencabar, menuntut golongan belia untuk melibatkan diri dalam aktivisme politik kerana mereka yang paling ramai menjadi pengundi atas pagar dan penentu kepada kemenangan sesebuah parti politik di Malaysia (Nur Ellyyanis & Junaidi, 2020). Namun, wujud dua pandangan berbeza tentang penglibatan politik pengundi muda di Malaysia. Pertama, terdapat sarjana yang berpandangan bahawa anak muda kurang melibatkan diri dalam aktivisme politik, terutamanya menyertai parti politik (Norhafiza & Grasso, 2019; Abdul Hadi et al., 2013). Dari sisi lain, Weiss (2021) mempercayai bahawa penglibatan politik golongan muda di Malaysia semakin meningkat, didorong oleh pelbagai faktor termasuk pengaruh media sosial, kebimbangan ekonomi, dan isu-isu tadbir urus. Begitu juga, Hamid dan Ibrahim (2022) yang menyatakan bahawa generasi muda semakin kecewa dengan institusi politik tradisional, yang mendorong mereka untuk mencari platform politik alternatif yang selaras dengan nilai dan aspirasi mereka.

Bagi memperkasakan penglibatan politik anak muda di Malaysia, kerajaan telah menurunkan had umur kelayakan mengundi dan menjadi wakil rakyat daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Ini merupakan agenda besar Malaysia dalam proses pendemokrasian, sekali gus menyebabkan berlakunya peningkatan pengundi baharu seramai 1.2 juta (Utusan Malaysia, 2022, 19 November). Menurut Mohd Azmir & Sabri (2020), penurunan had umur mengundi ini antara langkah konstruktif dan berinstitusi dalam melancarkan proses pendemokrasian dan pengundian di Malaysia. Mohd Mahadee, Zatul Himmah & Mohd Sobhi (2023) menyatakan bahawa penurunan had umur mengundi ini sebagai satu pengiktirafan kepada hak mengundi belia yang bertujuan untuk membuka ruang lebih luas bagi menyuarakan suara mereka dalam demokrasi. Selaras dengan perubahan ini, maka kebanyakan parti-parti politik, khususnya pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) mula memfokuskan kepada agenda belia, terutamanya dalam menyelesaikan isu-isu belia seperti pengangguran, kenaikan harga barangan, urus tadbir kerajaan dan sebagainya.

Memandangkan pengundi muda memainkan peranan kritikal dalam masa depan politik Malaysia, kajian ini menyelidiki kecenderungan pengundi muda dalam memilih parti politik di

Parlimen Putrajaya (P125) dengan memfokuskan analisisnya kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan mereka dan mekanisme terbaik yang boleh dilaksanakan oleh parti politik bagi menarik sokongan pengundi muda. Mengapa P125 Parlimen Putrajaya? Pertama, pengundi muda adalah kelompok pengundi tertinggi di Putrajaya. Menurut Berita Harian (2022, November 20), seramai 42,881 pengundi berdaftar layak mengundi di Parlimen Putrajaya pada PRU15, yang mana 53 peratus daripadanya adalah anak muda berusia 18 hingga 39 tahun yang mewakili 25,415 pengundi. Kedua, peratusan kadar keluar mengundi pada PRU14 di Putrajaya adalah tinggi iaitu hampir 90%. Ketiga, Putrajaya merupakan kawasan bandar yang kebanyakan populasinya adalah penjawat awam, berpendapatan dan berpendidikan tinggi berbanding dengan kawasan lain di Malaysia (Utusan Malaysia, 2023, 28 Julai). Oleh itu, pengundi muda di Putrajaya kemungkinan lebih terdedah kepada maklumat politik kerana mudah mengakses media. Selain itu, parlimen Putrajaya (P125) merupakan kerusi panas yang menyaksikan pertembungan enam penjujur daripada BN, PN, PH, Pejuang dan dua calon bebas pada PRU15. Parlimen Putrajaya juga merupakan kubu kuat BN di mana Tengku Adnan Tengku Mansor adalah penyandang kerusi ini sejak PRU tahun 2004 lagi. Peralihan undi ini menjadi satu faktor utama yang menarik untuk dikaji, khususnya dalam memahami kecenderungan pengundi muda di kawasan ini.

## **Kajian Literatur**

### *Pengundi Muda di Negara Maju*

Kajian ilmiah mengenai pengundi muda di negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Eropah dan United Kingdom (UK) adalah banyak dan telah lama dijalankan oleh para sarjana. Kebanyakan kajian menumpukan kepada penurunan kadar penglibatan pengundi muda dalam pilihan raya (Grasso, 2018) dan kecenderungan dalam memilih pemimpin atau parti politik (Shephard, 2022). Misalnya, kajian Whiteley (2023) di UK mendapati bahawa sokongan kelas kepada parti politik dalam pilihan raya semakin lemah, dan faktor umur menjadi indikator penting dalam menilai sokongan kepada parti politik, terutamanya parti konservatif. Kajian ini menunjukkan penurunan sokongan ramai kepada parti Konservatif adalah disebabkan oleh pengundi muda yang tidak menyokong mereka. Dapatan ini selari dengan kajian Sloam dan Henn (2019) yang mendapati sokongan pengundi muda kepada parti Buruh meningkat dalam PRU 2017, khususnya belia dalam kalangan etnik minoriti, dan kelas sosial rendah. Oleh itu, di United Kingdom, faktor usia telah menggantikan kelas sebagai petunjuk terbaik dalam pilihan pengundi. Kajian Lees dan Praino (2024) sedikit berbeza kerana mengkaji tentang kecenderungan pengundi muda dalam memilih pemimpin politik di UK, US dan Australia. Hasil kajian ini mendapati bahawa pengundi muda cenderung untuk menyokong calon yang lebih berusia jika mereka menyedari bahawa calon-calon ini memperjuangkan dasar umum berhaluan kiri, berbanding dengan calon pemimpin muda. Kajian di Eropah juga menunjukkan pola sokongan yang sama di mana pengundi muda lebih tertarik dengan calon pilihan raya yang membincangkan topik seperti wilayah, dan pakatan parti mereka berbanding isu-isu seperti perubahan iklim, hak asasi dan demokrasi (Roca Trenchs et al., 2023). Kajian di Jepun oleh McClean dan Ono (2024) juga selari dengan kajian Roca Trenchs (2023) yang mendapati bahawa pengundi muda melihat calon muda sebagai kurang berpengalaman, tetapi juga cenderung memberi tumpuan kepada banyak dasar dalam jangka masa yang panjang, termasuk pendidikan, anti-rasuah, dan multikulturalisme. Namun, kajian Eckstein et al (2024) di Jerman, republic Czech dan Sweeden menunjukkan bahawa pengundi kali pertama lebih ramai terlibat dalam pilihan raya berbanding dengan pengundi muda

yang pernah mengundi dalam pilihan raya. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa terdapat banyak kajian di negara maju yang memfokuskan kepada pengundi muda kerana faktor usia telah menjadi faktor dominan dan penentu kepada pilihan raya.


### *Pengundi Muda di Malaysia*

Kajian tentang kecenderungan politik belia telah banyak dilakukan sarjana, khususnya pada PRU-15. Misalnya, kajian Mohd Mahadee, Zatul Himmah & Mohd Sobhi (2023) yang membincangkan tentang kecenderungan pengundi baharu yang pertama kali mengundi pada PRU15, mendapati bahawa mereka cenderung untuk memilih calon pemimpin yang berintegriti, bebas rasuah, berpendidikan tinggi dan memenuhi janji mereka. Selain itu, kajian Nik Hairi, Arena dan Jamiah (2024) juga meneliti pola, sikap dan sokongan pengundi kali pertama (undi-18) terhadap integriti calon dan parti-parti politik yang bertanding dalam PRU15. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa pengundi kali pertama ini mempunyai sikap politik partisan dan menginginkan parti politik yang berintegriti tinggi. Kajian Mohd Azmir dan Afi Roshezry (2024) sedikit berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini kerana kajian ini menyelidiki persepsi pengundi muda terhadap memes politik, Undi18 dan isu-isu 3R sepanjang PRU15. Dapatan kajian merumuskan bahawa pengundi muda mempunyai pandangan positif terhadap memes politik dan Undi18, namun negatif kepada isu-isu 3R. Sekiranya kerajaan gagal untuk mengawal penggunaan memes politik negatif dan penyebaran isu 3R boleh mendorong kepada kejatuhan mereka dalam pilihan raya. Siti Nurshahidah et al (2024) juga menekankan kepada kandungan politik yang dimuatnaik di media baharu berupaya meningkatkan pengetahuan dan minat pengundi muda di Malaysia kepada politik. Kajian Mohd Faizal (2024) juga selari dengan kajian Siti Nurshahidah et al (2024) apabila mendapati bahawa pengundi muda Melayu cenderung menggunakan media sosial untuk mengakses maklumat politik. Namun, disebabkan kebimbangan terhadap amalan pemantauan di media sosial, kumpulan *WhatsApp* peribadi telah muncul sebagai platform utama bagi pengundi pertama kali untuk terlibat dalam perbincangan politik. Kajian Noriza & Normah (2024) juga menekankan tentang penggunaan media sosial yang tinggi dalam kalangan pengundi muda pada PRU15 menjadikan mereka lebih cakna tentang politik dan bersedia untuk mengundi dalam pilihan raya ini.

Terdapat juga kajian berkaitan pengundi muda pada PRU-15 mengikut lokaliti sama ada DUN atau Parlimen di Malaysia. Misalnya, kajian Siti Nor Amalina et al (2023) menyelidiki tahap pengetahuan, sikap dan persediaan pengundi muda pada PRU-15 di Daerah Batang Padang, Perak. Hasil tinjauan mendapati bahawa pengundi muda mempunyai persediaan sederhana meskipun mempunyai pengetahuan politik yang tinggi. Kajian yang lebih kurang sama turut dilakukan oleh Shin Yi et al (2023) di Kuching, Sarawak. Dalam kajian ini, mereka meneliti kesediaan belia untuk mengundi dalam PRU15. Lebih separuh (65.5%) belia di Kuching bersedia untuk PRU15 kerana didorong oleh faktor pengetahuan politik, media sosial, pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya. Selain Sarawak, kajian berkaitan pengundi muda pada PRU15 juga dilakukan di Tanjong (N49), Penang. Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan kepada pengaruh *TikTok* kepada pengundi muda Cina di kawasan ini. Kajian ini mendapati bahawa majoriti pengundi muda Cina (82%) menggunakan *TikTok* sebagai platform utama untuk mengakses maklumat politik, sekali gus meningkatkan pengetahuan politik mereka (Pan, 2023). Kesemua kajian ini sangat berharga dalam menyediakan latar bagi kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Walau bagaimanapun, masih terhad kajian lepas yang memfokuskan kepada lokaliti Putrajaya, seperti yang dilakukan oleh kajian ini.

## Metodologi Kajian

Pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian tinjauan menerusi pengedaran instrumen soal selidik secara bersemuka dan dalam talian. Pemilihan pengundi muda (18 hingga 30 tahun) sebagai subjek kajian bersandarkan kepada beberapa justifikasi. Pertama, kelompok ini adalah antara kelompok umur tertinggi yang mengundi dalam PRU15 di mana daripada 21.17 juta pengundi baharu yang berdaftar, separuh (10.6%) daripadanya ialah pengundi muda (Astro Awani, 2022, 20 November). Kedua, pelaksanaan Undi 18 memberikan ruang politik kepada pengundi muda untuk melibatkan diri dalam pilihan raya, sekali gus menjadikan undi kelompok ini sangat signifikan dalam PRU15. Berdasarkan kepada jumlah pengundi berdaftar 42, 881 di Putrajaya, maka seramai 377 responden telah dipilih secara rawak untuk terlibat dalam kajian ini. Penentuan bilangan responden adalah berdasarkan kepada saiz sampel purata piawai seperti yang dicadangkan oleh Krejcie & Morgan (1970). Soal selidik ini telah diedarkan sebulan sebelum PRU15 berlangsung iaitu bermula 18 Oktober sehingga 18 November 2022 iaitu sebelum dan pada tempoh kempen pilihan raya. Data yang diperolehi dianalisis secara analisis deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) 27.0. Analisis deskriptif iaitu peratusan dan min digunakan bagi menghuraikan kecenderungan pengundi muda di Putrajaya pada PRU15.



**Rajah 1.** Peta Putrajaya  
Sumber: Abul Quasem & Doberstein (2019)

## Dapatan & Analisis

### *Analisis Demografi*

Analisis demografi di Jadual 1 menunjukkan bahawa responden belia perempuan melebihi 65 orang (17.2%) berbanding responden belia lelaki. Jumlah perbezaan antara jantina ini adalah disebabkan oleh ketidakseimbangan jumlah populasi mengikut jantina di Putrajaya di mana nisbah jantina lelaki kepada perempuan ialah 88:100 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Selain itu, kajian ini membahagikan item umur kepada tiga kategori iaitu kelompok 18 hingga 21 tahun, 22 hingga 24 tahun dan 25 hingga 30 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa responden yang berumur 22 hingga 24 tahun adalah yang paling tinggi dengan jumlah responden sebanyak 203 orang (53.8%). Kumpulan umur ini lebih tinggi di Putrajaya kerana kebanyakan mereka bekerja atau masih belajar di peringkat pengajian tinggi. Bagi item kumpulan etnik, perbezaan yang amat ketara dapat dilihat antara responden berbangsa Melayu dan kumpulan etnik lain di mana jumlah perbezaan adalah melebihi 90% daripada jumlah responden iaitu sebanyak 347 orang (92%). Peratusan yang sangat tinggi ini selaras dengan populasi kerana parlimen ini merupakan majoriti Melayu. Dari konteks tahap pendidikan pula, majoriti responden adalah berpendidikan tinggi iaitu mereka berada pada tahap Ijazah Sarjana Muda dan ini boleh dikaitkan dengan faktor pekerjaan mereka, iaitu kebanyakannya adalah pelajar yang menuntut di pengajian tinggi.

**Jadual 1.** Ciri-ciri Demografi Responden

Item (N=377)	%	%	%	%	%
<b>Jantina</b>	Lelaki (43.4)	Perempuan (56.6)			
<b>Umur</b>	19 (1.9)	20 (29.4)	21 (42.9)	22 (17.4)	23 (8.4)
<b>Kumpulan Etnik</b>	Melayu (92.0)	Cina (1.6)	India (2.7)	Bumiputera Sabah & Sarawak (3.7)	
<b>Tahap Pendidikan</b>	SPM (4.8)	STPM/Sijil (12.5)	Diploma (23.6)	Ijazah Sarjana Muda (56.8)	Sarjana dan PhD (2.4)
<b>Pekerjaan</b>	Kerajaan (19.4)	Swasta (18.8)	Bekerja Sendiri (10.9)	Pelajar (50.9)	

### *Analisis Penglibatan Politik*

Melalui taburan responden mengikut status pengundian dalam Jadual 2, dapat dilihat bahawa kebanyakan responden tidak pernah mengundi dan adalah pengundi kali pertama. Ini kerana, majoriti responden adalah belia yang berumur 22 hingga 24 tahun yang akan mengundi pada PRU15. Bagi penglibatan dalam parti politik, majoriti responden tidak terlibat dan tidak menjadi ahli mana-mana parti politik (91.2%). Dapatan ini selari dengan kajian Norhafiza & Grasso (2019) yang menunjukkan bahawa belia Malaysia, sama ada berpendidikan tinggi atau tidak, mempunyai penglibatan politik yang rendah dalam parti politik berbanding dengan golongan tua. Walau bagaimanapun, apabila ditanya berkaitan gabungan parti politik yang dipilih untuk PRU15 ini,

hanya terdapat sedikit perbezaan peratusan (1.8%) antara sokongan pengundi muda kepada BN dan PN. Ini menunjukkan bahawa setiap parti yang bertanding mempunyai peluang untuk memenangi majoriti mudah di Parlimen Putrajaya (P125) ini.

**Jadual 2.** Penglibatan Politik Pengundi Muda di Putrajaya (P125)

Item (N=377)	%	%	%
<b>Status Mengundi</b>	Pertama Kali (84.9)	Pernah Mengundi (15.1)	
<b>Ahli Parti Politik</b>	Ya (8.8)	Tidak (91.2)	
<b>Gabungan Parti Politik yang Dipilih</b>	Barisan Nasional (BN) (35.3)	Perikatan Nasional (PN) (37.1)	Pakatan Harapan (PH) (27.6)

*Kecenderungan Pengundi Muda dalam Memilih Parti Politik di P125 Parlimen Putrajaya*

Jadual 3 menunjukkan kecenderungan pengundi muda dalam memilih parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka cenderung untuk memilih parti politik berdasarkan kesemua 14 item di bawah. Kebanyakan item adalah tinggi dengan memperoleh interpretasi skor min melebihi 3.67 hingga 5.00 menggunakan sumber Landell (1977). Skor min paling tinggi adalah 4.31 iaitu “Membentuk kerajaan pada PRU15”. Bagi skor min paling rendah ialah 4.04 iaitu, “Bergelar ulama yang membawa pendekatan agama”. Walaupun item 12 memperoleh skor min paling rendah, tetapi tahap interpretasi skor min masih lagi pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengundi muda menginginkan parti politik yang berupaya membentuk kerajaan, berpendidikan dan menyediakan ekonomi yang kukuh. Walaupun pengundi muda kurang mahukan pemimpin yang membawa pendekatan agama, namun mereka mengharapkan agar parti politik yang dipilih boleh memperjuangkan kesucian agama Islam.

**Jadual 3.** Kecenderungan Pengundi Muda dalam Memilih Parti Politik pada PRU-15 di Putrajaya

Item	STS		TS		TP		S		SS		Min	SP	Tahap
	n	%	n	%	n	%	n	%	n	%			
Membentuk kerajaan pada PRU15	4	1.1	9	2.4	60	15.9	99	26.3	205	54.4	<b>4.31</b>	0.896	Tinggi
Mempertahankan kesucian agama Islam.	6	1.6	11	2.9	63	16.7	86	22.8	211	56	<b>4.29</b>	0.952	Tinggi
Meningkatkan ekonomi dan memakmurkan negara.	4	1.1	8	2.1	66	17.5	94	24.9	205	54.4	<b>4.29</b>	0.903	Tinggi

Pemimpin yang berpendidikan tinggi.	4	1.1	9	2.4	65	17.2	95	25.2	204	54.1	<b>4.29</b>	0.907	Tinggi
Memperjuangkan hak setiap warganegara tanpa mengira etnik.	5	1.3	11	2.9	64	17	103	27.3	194	51.5	<b>4.25</b>	0.928	Tinggi
Memupuk iklim demokrasi dan kebebasan bersuara dalam negara.	3	0.8	7	1.9	75	19.9	99	26.3	193	51.2	<b>4.25</b>	0.892	Tinggi
Menunjukkan prestasi yang cemerlang.	3	0.8	15	4.0	63	16.7	98	26	198	52.5	<b>4.25</b>	0.928	Tinggi
Memperjuangkan hak dan keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera.	5	1.3	10	2.7	67	17.8	101	26.8	194	51.5	<b>4.24</b>	0.928	Tinggi
Tadbir urus cekap dan berintegriti dalam pentadbiran negara.	4	1.1	13	3.4	73	19.4	87	23.1	200	53.1	<b>4.24</b>	0.951	Tinggi
Mempertahankan kebebasan beragama sesuai dengan perlembagaan negara.	7	1.9	8	2.1	68	18	101	26.8	193	51.2	<b>4.23</b>	0.945	Tinggi
Menggunakan media sosial untuk berhubung dengan rakyat.	4	1.1	10	2.7	72	19.1	110	29.2	181	48	<b>4.20</b>	0.913	Tinggi
Amanah, berintegriti dan tidak mengamalkan rasuah.	12	3.2	17	4.5	65	17.2	82	21.8	201	53.3	<b>4.18</b>	1.070	Tinggi
Berjaya menangani isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa.	9	2.4	25	6.6	82	21.8	67	17.8	194	51.5	<b>4.09</b>	1.099	Tinggi
Bergelar ulama yang membawa pendekatan agama.	12	3.2	22	5.8	78	20.7	91	24.1	174	46.2	<b>4.04</b>	1.091	Tinggi

Petunjuk: STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), TP (Tidak Pasti), S (Setuju), SS (Sangat Setuju), SP (Sisihan Piawai)



*Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengundi Muda dalam Memilih Parti Politik di P125 Parlimen Putrajaya*

Jadual 4 menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi muda dalam memilih parti politik pada PRU15 di Putrajaya. Jika dilihat, kebanyakan item memperoleh skor min sederhana iaitu antara 2.34 hingga 3.66 (Landell, 1977). Hanya empat item sahaja yang menunjukkan skor min tinggi iaitu pada item ketokohan pemimpin, media massa, perkembangan internet dan manifesto parti politik iaitu melebihi skor min 3.67. Skor min paling tinggi ialah 4.22 iaitu “Ketokohan pemimpin politik”. Bagi tiga lagi item tertinggi, masing-masing mencatatkan 4.02 bagi item manifesto, 3.88 bagi item perkembangan internet dan 3.93 bagi item media massa. Bagi skor min terendah dan berada pada tahap sederhana ialah 2.47 bagi item enam iaitu, “Calon ada pertalian keluarga dengan saya”. Ini menunjukkan bahawa faktor keluarga atau rakan sebaya tidak memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pengundi muda di Putrajaya untuk memilih parti politik. Oleh itu, dapatan ini bertentangan dengan hujah Campbell et al. (1960) yang menyatakan bahawa keluarga merupakan agen sosialisasi paling berpengaruh dalam identifikasi parti. Sebaliknya, kebanyakan pengundi muda cenderung untuk memilih parti politik yang mempunyai ramai pemimpin yang berkaliber dan berintegriti (Weiss, 2021).

**Jadual 4:** Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengundi Muda dalam Memilih Parti Politik Pada PRU-15 Di Putrajaya

Item	STS		TS		TP		S		SS		Min	SP	Tahap
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%			
Ketokohan pemimpin politik.	6	1.6	15	4.0	61	16.2	103	27.3	192	50.9	<b>4.22</b>	0.963	Tinggi
Perjuangan dan manifesto parti.	12	3.2	15	4	88	23.3	100	26.5	162	43	<b>4.02</b>	1.054	Tinggi
Pengaruh media massa	14	3.7	24	6.4	85	22.5	106	28.1	148	39.3	<b>3.93</b>	1.098	Tinggi
Perkembangan politik di internet	18	4.8	27	7.2	85	22.5	98	26	149	39.5	<b>3.88</b>	1.152	Tinggi
Menjanjikan kemudahan semasa kempen pilihan raya.	32	8.5	38	10.1	92	24.4	88	23.3	127	33.7	3.64	1.273	Sederhana
Kepentingan dan ganjaran yang akan diperoleh.	43	11.4	33	8.8	90	23.9	88	23.3	123	32.6	3.57	1.327	Sederhana
Pengaruh maklumat politik yang disebarkan melalui televisyen.	40	10.6	26	6.9	108	28.6	100	26.5	103	27.3	3.53	1.255	Sederhana

Program yang dianjurkan oleh parti.	44	11.7	36	9.5	113	30	77	20.4	107	28.4	3.44	1.308	Sederhana
Maklumat yang diterima daripada keluarga dan rakan.	56	14.9	39	10.3	103	27.3	87	23.1	92	24.4	3.32	1.345	Sederhana
Maklumat daripada surat khabar	51	13.5	49	13	115	30.5	73	19.4	89	23.6	3.27	1.320	Sederhana
Maklumat politik yang disebarkan melalui radio	47	12.5	54	14.3	118	31.3	65	17.2	93	24.7	3.27	1.316	Sederhana
Parti yang dipilih oleh keluarga.	98	26	50	13.3	88	23.3	53	14.1	88	23.3	2.95	1.500	Sederhana
Pengaruh rakan-rakan	97	25.7	63	16.7	94	24.9	49	13	74	19.6	2.84	1.446	Sederhana
Calon yang ada pertalian keluarga dengan saya.	163	43.2	43	11.4	69	18.3	33	8.8	69	18.3	2.47	1.547	Sederhana

Petunjuk: STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), TP (Tidak Pasti), S (Setuju), SS (Sangat Setuju), SP (Sisihan Piawai)

### *Mekanisme Terbaik yang boleh dilakukan Parti Politik untuk Menarik Sokongan Pengundi Muda di P125 Parlimen Putrajaya*

Jadual 5 menyenaraikan beberapa mekanisme yang boleh dilaksanakan oleh parti politik untuk menarik minat pengundi muda di Putrajaya. Kesemua cadangan dalam jadual ini menunjukkan tahap pengaruh yang tinggi, dengan nilai min antara 3.67 hingga 5.00 (Landell, 1977), menandakan penerimaan yang baik dari pengundi muda terhadap langkah-langkah tersebut. Skor min yang paling tinggi ialah 4.23 iaitu bantuan kewangan kepada belia. Bagi skor min paling rendah, namun berada pada tahap tinggi pula adalah 4.08 iaitu parti politik yang dipilih memperkasa belia dengan menubuhkan program khas berkaitan politik. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden akan memilih parti politik yang memberi keuntungan dan manfaat kepada mereka. Dapatan ini selari dengan pendekatan pilihan rasional dalam pengundian di mana menurut Downs (1957), pengundi akan membuat pertimbangan semua kos dan faedah sebelum membuang undi. Ini bermaksud pengundi muda akan memberikan undi mereka kepada parti politik yang berupaya memenuhi tuntutan mereka berdasarkan kepada manifesto atau jaminan yang ditawarkan oleh parti politik dalam PRU15.

**Jadual 5.** Mekanisme Penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh Parti Politik untuk Menarik Minat Pengundi Muda di Parlimen P125 Putrajaya

Item	STS		TS		TP		S		SS		Mi n	SP	Tahap
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%			
Bantuan kewangan	4	1.1	8	2.1	78	20.7	96	25.5	191	50.7	<b>4.23</b>	0.919	Tinggi
Menggunakan media sosial sebagai strategi utama untuk mendekati golongan belia.	5	1.3	10	2.7	70	18.6	108	28.6	184	48.8	4.21	0.926	Tinggi
Membuka kepimpinan tertinggi kepada golongan belia	6	1.6	12	3.2	71	18.8	108	28.6	180	47.7	4.18	0.952	Tinggi
Menyediakan program latihan dan peluang pekerjaan	1	0.3	17	4.5	72	19.1	109	28.9	178	47.2	4.18	0.914	Tinggi
Membangun dan melatih belia dalam ekonomi digital khususnya dalam bidang sains dan teknologi.	6	1.6	12	3.2	77	20.4	99	26.3	183	48.5	4.17	0.966	Tinggi
Mendekati belia melalui program-program yang dianjurkan.	4	1.1	12	3.2	83	22	103	27.3	175	46	4.15	0.942	Tinggi
Mengkomersialkan usaha dan bakat golongan belia melalui kerjasama dengan industri swasta.	3	0.8	11	2.9	91	24.1	95	25.2	177	46.9	4.15	0.938	Tinggi
Melaksanakan program pendidikan politik	7	1.9	10	2.7	77	20.4	109	28.9	174	46.2	4.15	0.959	Tinggi

Menganjurkan pelbagai seminar, bengkel dan kursus kepimpinan belia.	5	1.3	10	2.7	81	21.5	113	30	168	44.6	4.14	0.932	Tinggi
Melaksanakan kerjasama strategik dengan pelbagai pertubuhan	4	1.1	14	3.7	76	20.2	115	30.5	168	44.6	4.14	0.935	Tinggi
Memberi peluang lebih luas kepada belia untuk bertanding dalam pilihan raya.	4	1.1	11	2.9	83	22	109	28.9	170	45.1	4.14	0.930	Tinggi
Menganjurkan program-program kesukarelawanan	8	2.1	13	3.4	74	19.6	115	30.5	167	44.3	4.11	0.979	Tinggi
Memperkenalkan program siswa yang melibatkan pelajar	6	1.6	10	2.7	88	23.3	106	28.1	167	44.3	4.11	0.957	Tinggi
Melaksanakan program berbentuk politik kepartian.	4	1.1	11	2.9	95	25.2	96	25.2	171	45.4	4.11	0.953	Tinggi
Program khas berkaitan politik untuk golongan belia.	6	1.6	15	4	82	21.8	112	29.7	162	43	4.08	0.972	Tinggi

---

Petunjuk: STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), TP (Tidak Pasti), S (Setuju), SS (Sangat Setuju), SP (Sisihan Piawai)

## Perbincangan

Meskipun kajian ini terhad kepada pengundi muda di Putrajaya dan tidak boleh digeneralisasikan secara umum kepada pengundi lain, namun ianya boleh dijadikan sebagai penanda aras dalam menilai kecenderungan pengundi muda di Malaysia, khususnya di kawasan bandar. Jika dilihat daripada kecenderungan pengundi muda di parlimen Putrajaya (P125) pada PRU15, terdapat tiga dimensi utama yang dikenal pasti. Dimensi pertama ialah dimensi kekuatan dalaman parti politik dan pemimpin di mana pengundi muda di parlimen ini cenderung memberikan sokongan kepada parti atau pemimpin yang berupaya membentuk kerajaan, mempunyai prestasi cemerlang, berpendidikan tinggi, memimpin dengan cekap dan mengamalkan tadbir urus baik, termasuklah mereka yang bersih dari amalan rasuah. Dapatan ini selari dengan kajian Nik Hairi et al. (2024), Mohd Mahadee et al (2023) dan Junaidi et al (2012) yang menemukan bahawa wakil rakyat yang

berintegriti, bebas rasuah dan berpendidikan tinggi lebih disukai pengundi muda. Dimensi kedua pula ialah pengukuhan institusi dan sistem politik. Dalam dimensi ini, pengundi muda lebih menginginkan parti atau pemimpin yang berusaha untuk mempertahankan nilai-nilai demokrasi seperti kebebasan bersuara, memperjuangkan hak dan kepentingan semua tanpa mengira kaum. Ini bermaksud, kebanyakan pengundi muda tidak lagi melihat politik di Malaysia dalam kerangka perkauman, sebaliknya lebih mementingkan nilai-nilai universal. Hujah ini selari dengan hujah Yazid et al (2020) dan Wan Norwira (2023) yang menyatakan bahawa pengundi muda melihat parti yang berasaskan perkauman tidak lagi relevan dalam menentukan survival politik mereka. Dimensi lain iaitu dimensi ekonomi juga dilihat sebagai satu keutamaan penting kepada pengundi muda di bandar seperti Putrajaya. Ini kerana pengundi muda cenderung untuk memilih pemimpin yang boleh memberikan kestabilan ekonomi iaitu kerajaan yang boleh menyelesaikan isu pengangguran, peningkatan kos sara hidup dan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar. Kajian Junaidi (2023) dan Mohd Fuad dan Junaidi (2012) turut menemukan dapatan yang sama di mana belia menginginkan pekerjaan dan tingkat upah yang sesuai dengan kemahiran dan kelayakan akademik mereka.

Bagi faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan politik pengundi muda pada PRU15 di Putrajaya, dua faktor tarikan utama yang diperolehi. Pertama, faktor parti politik itu sendiri. Pengundi muda tertarik untuk memilih parti politik yang mempunyai ramai tokoh pemimpin yang berpengalaman dalam politik, mempunyai manifesto dan matlamat perjuangan parti yang lebih jelas. Menurut Che Hamdan (2022, 8 November), pengundi muda akan menilai manifesto dan prestasi setiap parti politik dan kegagalan parti-parti ini untuk menunaikan janji mereka akan memberi kesan buruk pada pilihan raya akan datang. Ini kerana pengundi muda adalah segmen pengundi yang sifatnya atas pagar, rasional dan membuat keputusan mengikut pertimbangan semasa. Jika dianalisis kaitan dapatan ini dengan keputusan PRU15 di parlimen P125 Putrajaya, ketokohan Dr Radzi Jidin yang merupakan mantan Menteri Pendidikan antara faktor penarik sokongan pengundi muda. *Track record* beliau sebagai Menteri Pendidikan, terutamanya keputusan beraninya menghapuskan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang telah wujud sejak tahun 1988, dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang digunakan sejak tahun 2014 menjadi taruhan dalam PRU15 ini. Antara pendekatan yang digunakan untuk menarik undi masyarakat di P125, termasuk memperkenalkan *tagline* #EraBaharuPutrajaya dan melancarkan 50 Tawaran untuk Putrajaya yang turut merangkumi aspek masa depan anak muda (Utusan Malaysia, 2022, 12 November). Kedua, faktor media, khususnya media sosial seperti *TikTok*, *Twitter* dan *Facebook* menjadi pengaruh besar kepada pengundi muda di Putrajaya dalam memilih parti politik pada PRU15. Oleh kerana pengundi muda di bandar mempunyai akses yang mudah dan pantas kepada jaringan internet, maka mereka lebih banyak terdedah kepada maklumat politik. Sekali gus, media menjadi agen sosialisasi politik utama dalam membentuk pemikiran politik, berbanding dengan keluarga dan rakan sebaya. Kajian Mohd Faizal (2024), Siti Nurshahidah et al (2024) dan Noriza & Normah (2024) juga mendapati bahawa kandungan media sosial meningkatkan minat dan kesedaran politik pengundi muda untuk mengundi pada PRU15 ini.

Dari segi mekanisme yang boleh dilaksanakan oleh parti politik untuk menarik minat pengundi muda di Putrajaya, terdapat tiga saluran yang dikenal pasti. Pertama, saluran ekonomi menerusi pengagihan bantuan kewangan kepada belia berupaya mengurangkan beban dan menarik undi mereka. Kajian Ramli et al (2018) di Sabah mendapati bahawa isu utama yang dihadapi oleh belia di negeri ini ialah isu ekonomi iaitu pengangguran dan kenaikan harga barangan. Oleh itu, parti-parti politik seperti PH, Parti Warisan Sabah (PWS) dan lain-lain mula merangka manifesto pilihan raya yang sesuai dengan kehendak belia di sana. Kedua, saluran media, terutamanya media

sosial antara platform terkini yang sering digunakan parti politik untuk mendekati diri dengan pengundi muda. Ini kerana golongan belia merupakan pengguna utama media sosial. Maka, kebanyakan parti politik beralih daripada media konvensional ke media sosial untuk berkempen. Saluran lain yang boleh digunakan oleh parti politik ialah saluran program iaitu mengadakan lebih banyak aktiviti dan program belia seperti program keusahawanan, sukan, kesukarelawanan dan lain-lain, seperti kajian Nur Ellyanis dan Junaidi (2020) yang menyatakan bahawa belia memerlukan wakil rakyat yang rajin turun padang menemui belia dan memperbanyakkan program belia di kawasannya.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menyelidiki kecenderungan politik pengundi muda pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) di P125 Parlimen Putrajaya. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada 377 orang belia di Putrajaya dan menganalisis data secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa belia cenderung memilih parti politik yang dipercayai dapat membentuk kerajaan selepas PRU15. Faktor utama yang mempengaruhi pemilihan parti politik termasuk ketokohan pemimpin, manifesto yang realistik dan pengaruh media. Pengundi muda di Putrajaya juga menunjukkan kecenderungan untuk memilih parti politik berdasarkan pilihan rasional di mana mereka membuat pertimbangan manfaat dan kepentingan yang akan diperolehi jika mengundi sesebuah parti politik. Kajian ini memberikan implikasi penting kepada kajian pilihan raya dengan menjelaskan bagaimana dan mengapa belia cenderung memilih sesebuah parti politik di kawasan bandar seperti Putrajaya. Penemuan ini juga mencadangkan mekanisme yang boleh dilaksanakan oleh parti politik untuk menarik sokongan pengundi muda, seperti bantuan kewangan, penggunaan media sosial dan penganjuran program-program kepimpinan dan politik belia. Sebagai rumusnya, pengundi muda memainkan peranan kritikal dalam menentukan masa depan politik Malaysia dan pilihan mereka dipengaruhi oleh faktor yang pelbagai dan bergantung kepada keadaan politik semasa.

## Penghargaan

Penulis berterima kasih kepada Cornell University, Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang membolehkan pengumpulan data dan penerbitan artikel ini dilaksanakan.

## Rujukan

- Abdul Hadi, S., Amaludin, A. R., & Ku Hasnita, K. S. (2013). Persepsi belia terhadap parti politik dan tahap penglibatan politik di Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 9, 107-120.
- Abul Quasem, A., & Doberstein, B. (2019). Introduction of hydrogen fuel cell vehicles: Prospects and challenges for Malaysia's transition to a low-carbon economy. *Environmental Science and Pollution Research*, 26, 31062-31076. <https://doi.org/10.1007/s11356-019-06128-4>.
- Astro Awani. (2022, 20 November). PRU15 dalam angka. <https://www.astroawani.com/berita-politik/pru15-dalam-angka-392794>.
- Berita Harian. (2022, 20 November). PRU15: Saluran anak muda 'tumbangkan' Ku Nan di Putrajaya. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028899/pru15-saluran-anak-muda-tumbangkan-ku-nan-di-putrajaya>

- Campbell, A., Converse, P. E., Miller, W. E. & Stokes, D. E. (1960). *The American voter*. New York: John Wiley Sons
- Che Hamdan, C.M.R. (2022, 8 November). Pengundi muda sedia hukum parti gagal laksana manifesto. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1023105/pengundi-muda-sedia-hukum-parti-gagal-laksana-manifesto>.
- Downs, A. (1957). *An economy theory of democracy*. New York: Harper Collins.
- Eckstein, K., Miklikowska, M., Serek, J., Noack, P., & Koerner, A. (2024). Activating effects of elections: Changes in young voters' political engagement over the course of an election year. *Frontiers in Political Science*, 6, 1-14. <https://doi.org/10.3389/fpos.2024.1302686>.
- Grasso, M. T. (2018). Young people's political participation in times of crisis. Dalam Pickard, S., & Bessant, J. (pnyt.). *Young People Regenerating Politics in Times of Crisis*. London: Palgrave Macmillan, 179–196.
- Hamid, S. N., & Ibrahim, Z. (2022). Youth disillusionment and political realignment in Malaysia's electoral landscape. *Journal of Asian Studies*, 81(3), 543-567.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Wilayah Persekutuan Putrajaya*. <https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/125-newsletter-infographics/1648-scdp-putrajaya#gallery045336720b>
- Junaidi, A. B. (2023). Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola sokongan pengundi berdasarkan faktor kewilayahan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(1), 164-176.
- Junaidi, A. B., Mohd Fuad, M. J., Yahaya, I., Novel, L., Khaidzir, H. I., Noor Aziah, M. A., Jeniri, A., Ahi, S., Rosmadi, F., & Amer Saifude, G. (2012). Kriteria pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(4), 44-55.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Landell, K. (1977). *Management by menu*. London: Wiley and Sons.
- Lees, C., & Praino, R. (2024). Young voters, older candidates and policy preferences: Evidence from two experiments. *International Political Science Review*, 45(2), 278-298. DOI: 10.1177/01925121221139544.
- McClean, C. T., & Ono, Y. (2024). Too young to run? Voter evaluations of the age of candidates. *Political Behavior*, 1 (46), 2333–2355. DOI 10.1007/s11109-024-09920-2.
- Mohd Azmir, M. N., & Afi Roshezry, A. B. (2024). Persepsi pengundi muda terhadap memes politik, undi18 dan isu-isu 3R pasca Pilihan Raya Umum 15. *Sains Insani*, 9(1), 56-61.
- Mohd Azmir, M. N., & Sabri, M. S. (2020). Undi 18: Belia dan politik konvensional. *Sains Insani*, 5(1), 180-186.
- Mohd Faizal, K (2024). Social media as an online public sphere: A study among the first-time Malay voters. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 42 (2), 29–50. DOI 10.21315/km2024.42.2.2.
- Mohd Fuad, M. J., & Junaidi, A. B. (2012). Pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan parlimen Muar, Johor. *Jurnal E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 7 (1), 50-63.
- Mohd Mahadee, I., Zatul Himmah, A., & Mohd Sobhi, I. (2023). Kecenderungan pengundi baharu dalam Pilihan Raya Umum ke-15. *Jebat: Malaysian History, Politics and Strategic Studies*, 50(2), 224-240.
- Nik Hairi, O., Arena, C. K., & Jamiah, M. (2024). Pola sikap dan sokongan pengundi muda (Undi-18) terhadap integriti calon dan parti dalam Pilihanraya Umum 15 (PRU15). *e-Bangi*

- Journal of Social Sciences and Humanities*, 21 (3). pp. 518-532.  
<https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.40>.
- Norhafiza, M. H., & Grasso, M. T. (2019). Age group differences in political activism in Malaysia. *Journal of Youth Studies*, 23(6), 765–779.
- Noriza, N., & Normah, M. (2023). Pengaruh literasi media dalam meningkatkan penyertaan politik pengundi muda semasa PRU 15. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 26 (1), 35-58. DOI: 10.22452/jpmm.vol26no1.3.
- Nur Ellyanis, M. B., & Junaidi, A. B. (2020). Politik belia dan Pilihan Raya Umum Ke-14 di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(7), 49-65.
- Pan, A. K. K. (2023). Tik Tok & 18 votes: Post GE 15 analysis among young Chinese voters in P49, Tanjong, Penang. *Final Year Project*, UTAR.
- Ramli, D., Nordin, S., Wan Shawaluddin, W. H., Marja Azlima, O., & Adi, J. (2018). Peranan belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian kes di P.188 Silam. *Jurnal Kinabalu, Edisi Khas*, 319-349.
- Roca Trenchs, N., Estanyol Casals, E., Montaña Blasco, M. (2023). Do politicians connect with young people? Analysis of Twitter use by candidates in the 2019 European Parliament election campaign. *Catalan Journal of Communication & Cultural Studies*, 1 (15), 27–53. DOI 10.1386/cjcs\_00077\_1.
- Shephard, A. (2022). The young and the restive. *New Republic*, 253 (9), 22–24. <https://research.ebsco.com/linkprocessor/plink?id=1c48c264-9f4d-3f24-b02b-285e7ff6171b>.
- Shin Yi, C., Muhammad Haiqal, M., & Nur Syifaa' Fasihah, A. L. (2023). Youth readiness to vote: A survey in Kuching, Sarawak. *Journal of Administrative Science*, 20 (2), 90-104. <http://jas.uitm.edu.my>.
- Siti Nor Amalina, A. T., Joekryno, J., & Khairul Azam, B. (2023). Political communication: Uncovering knowledge, attitudes and young voters' readiness for PRU-15 in Batang Padang District, Perak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39 (1), 459–472. DOI 10.17576/JKMJC-2023-3901-26.
- Siti Nurshahidah, S. A., Normah, M., & Mohd Nor Shahizan, A. (2024). Peranan media dalam membentuk struktur pengetahuan politik: Pengundi muda baharu di Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21 (2), 139-152. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.13>.
- Sloam, J., & Henn, M. (2019). *Youthquake: Young People and the 2017 General Election*. Cham: Springer International Publishing. DOI 10.1007/978-3-319-97469-9\_5.
- Utusan Malaysia. (2022, 12 November). *Radzi kemuka 50 tawaran buat warga Putrajaya*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/11/radzi-kemuka-50-tawaran-buat-warga-putrajaya/>
- Utusan Malaysia. (2022, 19 November). *21 juta pengundi pilih kerajaan baharu*. <https://www.utusan.com.my/berita/2022/11/21-juta-pengundi-pilih-kerajaan-baharu/>
- Utusan Malaysia. (2023, 28 Julai). *Putrajaya catat pendapatan isi rumah, perbelanjaan tertinggi*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2023/07/putrajaya-catat-pendapatan-isi-rumah-perbelanjaan-tertinggi/>.
- Wan Norwira, W. H. (2023). Kerelevanan parti berasaskan kaum kepada pengundi muda: Kajian kes di Dun N.16 Kubang Rotan dalam PRU 14. *Tesis Sarjana*, Universiti Utara Malaysia
- Weiss, M. L. (2021). Youth and political engagement in Malaysia: Emerging trends and future prospects. *Southeast Asian Affairs*, 1(1), 213-234.



Whiteley, P. (2023). Has age replaced class in British Elections? A hierarchical age-period-cohort analysis. *Electoral Studies*, 86. <https://doi.org/10.1016/j.electstud.2023.102695>.

Yazid, S., Siti Noranizahhafizah, B., Hanifah, M., Mohmadisa, H., Nasir, N., Saiyidatina Balkhis, N., & Samsudin, S. (2020). Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 16 (1), 80-94.